

19 MAR 2000

Lead Umno-Perak (Pencalonan)

LEBIH SEPARUH BAHAGIAN UMNO PERAK CALON DR M DAN PAK LAH

IPOH, 19 Mac (Bernama) -- Lebih separuh daripada 23 bahagian Umno Perak yang mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing sehingga hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden parti pada pemilihan Mei depan.

Kesemua 13 bahagian yang telah mengadakan mesyuarat, termasuk enam bahagian hari ini, turut mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah untuk Pengerusi Tetap dan Datuk Yahaya Shafie sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Bahagian-bahagian itu - Gerik, Batu Gajah, Kampar, Beruas, Tapah, Teluk Intan, Bagan Datoh, Sungai Siput, Ipoh Barat, Ipoh Timur, Taiping, Lumut dan Gopeng turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak untuk jawatan Naib Presiden yang mendahului dalam pencalonan bagi jawatan itu.

Manakala Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman merupakan calon Naib Presiden dengan pencalonan kedua tertinggi dengan mendapat sembilan pencalonan termasuk tiga hari ini daripada bahagian Ipoh Barat, Ipoh Timur dan Taiping.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Abdul Samad mendapat empat pencalonan, termasuk dua pencalonan daripada Ipoh Barat dan Gopeng, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Haji Sukam (3) termasuk dua lagi daripada Ipoh Timur dan Lumut, Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar mendapat dua pencalonan daripada Sungai Siput dan Taiping.

Begitu juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim yang mendapat dua pencalonan hari ini iaitu daripada Sungai Siput dan Gopeng, manakala Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhiyuddin Yassin mendapat satu pencalonan daripada Lumut.

Sementara itu bahagian-bahagian yang bermesyuarat hari ini juga mencalonkan senarai 25 anggota Majlis Tertinggi:

-- Bernama

HK PR